

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam mengawal agensi pelancongan umrah dan haji agar tidak mengenakan caj berlebihan susulan daripada langkah Kerajaan Arab Saudi mengenakan caj tambahan visa umrah.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula musim umrah 1441 Hijrah, pihak Kerajaan Arab Saudi telah memperkenalkan caj Visa Umrah ke atas semua jemaah umrah termasuklah daripada Malaysia. Kadar caj yang dikenakan adalah SR300. Pengenaan caj standard ini menggantikan surcaj SR2000 yang dikenakan Kerajaan Arab Saudi ke atas jemaah umrah ulangan yang dikenakan pada musim umrah yang lalu.

Pihak Kementerian pada masa ini sedang mengkaji dan memantau bagaimana industri sedang bertindak balas kepada pelaksanaan perkara ini sebelum syor atau dapatan bersesuaian diusulkan kepada pihak pemain industri. Berdasarkan pemerhatian awal, didapati rata-rata semua pemain industri akan memindahkan caj ini kepada pengguna. Syarikat pengendali yang telah menjual pakej terlebih dahulu sebelum pelaksanaan caj Visa Umrah ini perlu melaksanakan tanggungjawab dengan menjelaskan kepada jemaah mengenai pengenalan caj baharu ini.

Selain itu, pihak jemaah umrah terlibat juga perlu membuat semakan perincian pakej yang telah dibeli sebelum ini termasuklah pengenaan caj Visa Umrah yang telah pun dibuat terlebih dahulu. Sekiranya jemaah tidak berpuas hati dengan caj tambahan yang dikenakan, pihak jemaah dipohon untuk membuat aduan kepada pihak Kementerian untuk diambil tindakan lanjut oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.